



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.47

SUBUH 4.57 SYURUK 6.20

DUHA 6.45

ZUHUR 12.17 ASAR 3.38

MAGHRIB 6.11

ISYAK 7.26

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 150

16 DISEMBER 2023 / 1445 جمادی الآخر 3

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsuna'llahu Wani'malwakeel, Walaha'ula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.'

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

NBD - China fokus projek kerjasama biji benih padi

Oleh : Marlinawaty Hussin

TEMBURONG, Khamis, 14 Disember. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengadakan Pelancaran Projek Kajian Kesesuaian Varieti Padi bagi Kawasan Ladang yang Tidak Mempunyai Sistem Pengairan bertempat di ladang padi di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lekiu, Daerah Temburong.

Kehadiran Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, selaku tetamu kehormat pada majlis pelancaran tersebut dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab.

Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Mukim Batu Apoi serta peladang-peladang padi di kawasan berkenaan.

Projek kerjasama kajian dan penyelidikan itu diusahakan Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Hunan Hybrid Rice Research Centre (HHRRC), Republik Rakyat China.

>> Muka 11

NBD - JEPUN TERUS ERATKAN HUBUNGAN MUHIBAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun di Imperial Residence, The Imperial Palace, Tokyo. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3)

Hubungan NBD-Republik Singapura terus diperkuuhkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Disember. - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong menjelaskan, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura adalah istimewa dan akan terus diperkuuhkan,

khlasnya dalam sama-sama mengharungi keadaan dunia yang semakin volatil dan tidak menentu.

Tuan Yang Terutama Lawrence Wong mengongsikan demikian semasa menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'A Partnership for All Seasons' berlangsung petang tadi di Jabatan Perdana Menteri.

>> Muka 9

30 anggota ABDB misi UNIFIL MALBATT diraikan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Disember. - Seramai 30 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang telah menyertai misi pengamanan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) bersama Malaysian Battalion (MALBATT) 850-10

diraikan pada Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Surau Ad-Difa' Bolkiah Garison, di sini.

Kontingen ABDB yang diketuai oleh Mejaz Hisham bin Haji Mahmud telah pun kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 6 Disember 2023 yang lalu.

>> Muka 10

MANISNYA IMAN ایمان

"DARIPADA Abi Sa'id al-Khudri dan Abi Hurairah Radiallahu anhu berkata, Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidaklah ditimpakan mukmin itu berasa sakit (secara berterusan), berasa penat dan khawatir (dalam fikiran), berasa sedih dan hiba (kerana sesuatu yang menimpa), rasa kegelisahan hati atau sesuatu yang memedihkan sehingga merasakan duri yang menusuk melainkan dihapuskan dosa-dosanya". (Hadis Riwayat al-Bukhari)



Berita Utama



USAHA mempelbagaikan ekonomi melalui keusahawanan

Muka 10



PILIH Islam sebagai pegangan hidup

Muka 12



PROGRAM Sivik NBD tutup tirai

Muka 18



RENCANA

PROGRAM Lawatan beri peluang kenali budaya dan sejarah luar

Muka 22



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Sesi Muzakarah bagi Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2024, pada Sabtu, 18 November 2023 di Dewan Al-'Afiah Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-l-Wal Mursalin, Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat, izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat sama-sama berkumpul pada hari ini pada Sesi Muzakarah sebagai persiapan bagi Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat

Ke arah memperkasa perkhidmatan kesihatan

Negara bagi Tahun 2024. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat, dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Sebagai mewakili seluruh warga Kementerian Kesihatan, peramba / kaola / saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas kesudian hadir pada Sesi Muzakarah dengan Kementerian Kesihatan pada pagi ini. Peramba / kaola / saya percaya, dengan pengalaman dan kebijaksanaan yang ada pada Yang Berhormat-Yang Berhormat, setentunya akan dapat membawaikan idea-idea yang positif dan membangun demi mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada orang ramai, dan ini sudah pasti akan memberikan nilai tambah yang sangat tinggi kepada permuzakarahan kitani pada hari ini.

Alhamdulillah, kita telah melangkah ke era yang baru sejak pengisytiharan Fasa Endemik bagi Negara Brunei Darussalam di bawah Rangka Kerja Pemulihan Kebangsaan COVID-19 pada 15 Disember 2021 yang lalu. Tidak dapat dinafikan titik hitam dalam sejarah mencambuk persediaan dan kesiapsiagaan kita dari segala jenis ancaman kesihatan. Skala pembelajaran dari musibah yang telah kita harungi dan rasai senegara, memperlihatkan kekuatan yang sebenarnya ada, yang lahir daripada semangat kekitaan, keprihatinan dan kesatupaduan, berpandukan pendekatan kepada agama dan disertai dengan rasa

kecintaan kepada raja.

Kementerian Kesihatan akan terus menumpukan usaha dan tenaga ke arah memperkasa perkhidmatan kesihatan di negara ini. Sejak dengan gagasan Wawasan Negara dalam memberikan kualiti kehidupan yang tinggi dan setaraf dengan negara-negara maju di dunia, dengan memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan sentiasa mengutamakan pelanggan. Justeru itu, pelaksanaan beberapa projek termasuk penambahbaikan infrastruktur, penyediaan teknologi dan peralatan perubatan yang canggih dan moden serta penyumberan luar beberapa perkhidmatan dukungan, untuk memastikan keselamatan, keselesaan dan kebajikan, serta memberikan kemudahan kepada pesakit dan pengguna.

Dari segi infrastruktur, projek-projek dalam perancangan sebagai cadangan di bawah Rancangan Kemajuan Negara seperti pembinaan Blok Baharu Makmal Rujukan Kebangsaan, pembinaan Pusat Kesihatan Mengkubau; dan pembinaan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan, yang juga akan menempatkan Pusat Darah Kebangsaan. Pusat Kesihatan baharu ini juga akan meliputi pelbagai perkhidmatan seperti penjagaan perkhidmatan asasi, kawasan rawatan, kecemasan dan pemantauan, kesihatan ibu dan anak, flebotomi dan juga farmasi. Selain itu, projek cadangan untuk menaik taraf Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dengan pembinaan sebuah Blok Baharu Pembedahan dan Pusat Rehabilitasi bagi orang dewasa dan kanak-kanak.

Cadangan pembinaan blok baharu makmal bertujuan untuk mengembangmajukan keupayaan perkhidmatan makmal, bukan saja dalam meningkatkan dan memantapkan keupayaan penganalisaan makmal-makmal untuk kegunaan domestik, malahan juga meningkatkan keupayaan negara dalam mendokong perkembangan industri-industri tertentu seperti industri makanan, khususnya bagi pengeksportan ke luar negara dan food security. Pembinaan prasarana ini juga diharatkan untuk membantu peningkatan dan pengukuhan skop penganalisaan dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap perkhidmatan analisis di luar negara, secara langsung meneguhkan kesiapsiagaan negara untuk menghadapi situasi-situasi kecemasan seperti pandemik.

Kementerian Kesihatan adalah peka akan keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk di negara ini. Dengan adanya Pusat Kesihatan baru, nisbah doktor kepada penduduk bagi kawasan-kawasan tаддан akan dapat disimbangkan. Sebagai contoh, nisbah doktor kepada penduduk bagi Pusat Kesihatan Muara yang pada masa ini 1:9,648 dapat dikurangkan kepada 1:4,642. Manakala nisbah doktor kepada penduduk bagi Pusat Kesihatan Berakas 1:5,665 akan dapat dikurangkan kepada 1:5,200. Serta nisbah doktor kepada penduduk bagi Pusat Kesihatan Mengkubau baharu pula dijangkakan 1:4,526. Ini juga akan sekali gus mengurangkan kesesakan di Pusat Kesihatan Muara dan Pusat Kesihatan Berakas.

>> Muka 19

WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHI	HARI HIJRAH	JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	ISYAK
16	SABTU	3	4.47	4.57	6.20	6.45	12.17	3.38	6.11	7.26
17	AHAD	4	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
18	ISNIN	5	4.48	4.58	6.21	6.46	12.18	3.39	6.12	7.27
19	SELASA	6	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
20	RABU	7	4.49	4.59	6.22	6.47	12.19	3.40	6.13	7.28
21	KHAMIS	8	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
22	JUMAAT	9	4.50	5.00	6.23	6.48	12.20	3.41	6.14	7.28

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	24 °C	25 °C
Pekan Bangar		
31 °C	32 °C	31 °C
25 °C	24 °C	25 °C
Pekan Tutong		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	24 °C	25 °C
Kuala Belait		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	24 °C	25 °C
Wallahu alam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

SIDANG PENGARANG 16 DISEMBER 2023

Amalkan sikap saling menghormati

WARGA emas ialah insan yang amat banyak meninggalkan jasa kepada generasi masa kini. Sikap hormat-menghormati dan berbudi bahasa khasnya kepada warga tua sentiasa diberi penekanan yang tinggi. Malahan segala sumbangan dan pengorbanan warga emas perlu dihargai.

Dari perspektif Islam, usia emas bukanlah satu masalah atau bebanan, sebaliknya ia merupakan satu proses yang biasa dan perlu diuruskan sebaiknya agar matlamat akhir kehidupan untuk mendapatkan pengakhiran yang baik atau Husnul Khatimah akan tercapai.

Golongan warga emas seharusnya diperlakukan secara baik, disayangi dan dihormati kerana ia adalah tuntutan Islam. Kita hendaklah sedar bahawa kita juga akan berada pada usia tua suatu hari nanti.

Islam mengajar umatnya agar mengamalkan sikap saling menghormati dan menyantuni antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, pangkat ataupun keturunan. Sikap seperti ini perlu disemai sejak kecil, lebih-lebih lagi terhadap kedua bapa.

Kita perlu menyedari bahawa warga emas juga mempunyai hak untuk mendapatkan kasih sayang dan penghormatan dengan menjaga hak-hak mereka. Alhamdulillah, kesejahteraan warga emas di Negara Brunei Darussalam tidak diabaikan malah mereka juga menerima pelbagai kemudahan daripada pihak kerajaan.

Sama-sama lah kita berganding bahu dan berusaha dalam menghargai pengorbanan dan sumbangan permata negara ini. Setentunya, warga emas adalah tidak terbanding nilainya dalam memastikan kesejahteraan keluarga, yang akan menyumbang ke arah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuruan negara dan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kita juga hendaklah bersama-sama memperkuuhkan semangat dan tekad sebagai satu negara untuk mencapai kualiti hidup tinggi bagi golongan warga emas, khususnya dalam merancang dan melaksanakan inisiatif dalam bidang-bidang berkepentingan termasuk dari segi sosial, ekonomi dan budaya demi manfaat golongan warga emas yang sangat wajar untuk dijaga, dipeduli dan diberikan penghormatan.

Marilah kita doakan semoga warga emas di negara ini akan sentiasa berjaya dan dikurniakan kesihatan dan kekuatan selalu, insyaaAllah.

Zahirkan rasa hormat dan kasih sayang kita kepada golongan warga emas dengan menyantuni mereka sebaik mungkin. Menyayangi warga emas adalah sifat orang bertakwa. Kita zahirkan sikap keprihatinan dan rasa simpati terhadap mereka dengan memelihara hubungan yang baik terutama kepada ibu bapa. Mudah-mudahan dengan demikian, kehidupan kita akan bahagia dan selamat di dunia dan di akhirat.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 24, tafsirnya : "Dan hendaklah engkau merendah diri dengan penuh kasih sayang dan berdoalah (untuk kedua-duanya) : "Ya Tuhan! Kurniakanlah rahmat kepada mereka sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidik ku semasa kecil (lagi)".

- Ketua Penyuntingan (Hs)

NBD - Jepun terus eratkan hubungan muhibah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun di Imperial Residence, The Imperial Palace, Tokyo. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).

TOKYO, JEPUN, Jumaat, 15 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi memulakan Keberangkatan Rasmi ke Jepun dengan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun.



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis Perjumpaan yang berlangsung di Imperial Residence, The Imperial Palace, Tokyo berkenaan antara lainnya memberi peluang bagi Kebawah DYMM dan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Jepun untuk beramah mesra dan mengerakkan lagi hubungan muhibah dan silaturahim antara kedua-dua buah negara tersebut, dengan hubungan berkenaan juga diperkuuh melalui kerjasama dalam tenaga, perdagangan, pendidikan dan pertukaran antara rakyat.

BERANGKAT TIBA DI TOKYO, JEPUN



TOKYO, JEPUN, Khamis, 14 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi berangkat tiba di Tokyo, Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun pada 15 hingga 17 Disember 2023.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Tokyo Haneda dijunung oleh Parliamentary Vice-Minister for Foreign Affairs of Japan, Tuan Yang Terutama Masahiro Komura; Chief of Protocol (Ambassador) at the Ministry of Foreign Affairs of Japan, Tuan Yang Terutama

Takehiro Shimada; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Shahbudin bin Haji Musa.

Sejak penubuhan Hubungan Dialog ASEAN-Jepun pada tahun



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Tokyo, Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun pada 15 hingga 17 Disember 2023 (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.

1973, hubungan ASEAN-Jepun telah mencapai kemajuan yang signifikan termasuk penubuhan Pusat ASEAN-Jepun; Dana Integrasi Jepun-ASEAN (JAIF) dan Program Pertukaran Rangkaian Pelajar dan Belia Jepun-Asia Timur (JENESYS).

Untuk meraikan kejayaan ini, ASEAN dan Jepun bersetuju untuk menetapkan tahun ini

sebagai tahun memperingati 50 tahun hubungan persahabatan dan kerjasama ASEAN-Jepun, dan menggalakkan pertukaran antara rakyat dan mengadakan pelbagai acara serta program pertukaran dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, budaya, pertukaran belia dan pelancongan di sepanjang tahun.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE TOKYO, JEPUN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Tokyo, Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun pada 15 hingga 17 Disember 2023.

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berangkat ke Tokyo, Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Tokyo, Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun pada 15 hingga 17 Disember 2023. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun pada 15 hingga 17 Disember 2023.

Berangkat mengiringi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (atas). Manakala gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah ahli-ahli kerabat diraja.

BERANGKAT HADIRI ACARA RIADAH PAGI



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama-sama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta delegasi Republik Singapura ke Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Berangkat sama, paduka-paduka adinda dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia (atas dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman

TEMBURONG, Khamis, 14 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab.

Rahaman berkenan berangkat menghadiri Acara Riadah Pagi sempena Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9, yang memuatkan lawatan ke Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan Riadah Berjalan Kaki serta Majlis Santap Pagi di The Abode Resort and Spa, Kampung Perdayan, Daerah Temburong.

Acara Riadah Pagi bermula dengan keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka



Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri bersama-sama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta delegasi Republik Singapura ke Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Berangkat sama, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat

Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntasim, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak

Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahra' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba DYTM dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri di Jambatan Menara Berkembar, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien adalah salah sebuah mercu tanda penting di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan juga jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara dengan jarak sepanjang 26.3 kilometer.

Jambatan tersebut melintasi sebahagian Teluk Brunei dan menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong.

>> Muka 6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia berkenan berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura (atas kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia dan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta paduka-paduka adinda dan anakanda DYTM semasa Riadah Berjalan Kaki.



DYT bersama TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura menyertai Riadah Berjalan Kaki (atas), manakala gambar kanan, DYT bersama TYT menyaksikan persembahan kebudayaan.


>> Muka 5

Ia adalah salah satu usaha NBD untuk meningkatkan kesalinghubungan ASEAN dan juga menyumbang kepada meningkatkan perdagangan dan pelaburan, pembangunan serta pelancongan di NBD khasnya di Daerah Temburong. Ia mula dibukakan kepada orang ramai pada 17 Mac 2020.

Selesai membuat tinjauan di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, DYTM dan YTM berkenan berangkat bersama-sama delegasi Republik Singapura menuju ke The Abode Resort and Spa di Kampung Perdayan, Daerah Temburong.

Keberangkatan tiba DYTM dan YTM di The Abode Resort and Spa dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed

Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu dan Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim serta Ketua Pegawai Eksekutif The Abode,

Resort and Spa, Lim Wei Siu.

Delegasi dari NBD dan Republik Singapura seterusnya membuat Riadah Berjalan Kaki di The Abode Resort and Spa dan menyaksikan persembahan kebudayaan dan silat bagi mengalau-alukan ketibaan rombongan.

Sejurus kemudian, DYTM dan YTM berangkat bersama-sama Tuan Yang Terutama dan isteri serta delegasi daripada kedua-dua buah negara bagi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta paduka-paduka adinda DYTM berangkat bersama-sama TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dan isteri serta delegasi daripada kedua-dua buah negara bagi menghadiri Majlis Santap Pagi (atas kiri), manakala gambar atas, DYTM dan TYT juga menandatangani Lembaran Kenangan sempena Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9.

menghadiri Majlis Santap Pagi.

DYTM dan TYT juga menandatangani Lembaran Kenangan sempena Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9.

Program Pemimpin-pemimpin Muda adalah pertukaran lawatan tahunan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura di mana Negara Brunei Darussalam adalah selaku tuan rumah pada tahun ini.

Program ini juga mencerminkan hubungan dua hala yang kukuh dan erat antara kedua-dua negara yang merangkumi kerjasama dalam bidang pertahanan, kewangan, perdagangan dan pelaburan serta pendidikan dan juga meneroka bidang baharu yang mempunyai kepentingan bersama seperti keselamatan makanan, tenaga hijau dan perubahan iklim.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dijunjung bagi sesi bergambar ramai semasa berada di The Abode Resort and Spa di Kampung Perdayan, Daerah Temburong.



DYTM dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri serta paduka-paduka adinda dan anakanda DYTM bersama TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dan isteri dijunjung bagi sesi bergambar ramai (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



KDB AL-FARUQ KUKUHKAN KERJASAMA PERTAHANAN NBD - SINGAPURA



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,
Mohd. Sahrizal Haji Said

MUARA, Rabu, 13 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada 109 anggota TLDB (kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Upacara Pentaulahan Kapal Peronda Kapal Diraja Brunei (KDB) AL-FARUQ.

Kapal Diraja Brunei (KDB) AL-FARUQ yang berlangsung di Jeti Bravo, Pangkalan Tentera Laut Muara, di sini.

Upacara Pentaulahan Kapal Peronda KDB AL-FARUQ tersebut diadakan dan diselenggarakan dengan Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9 di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura, yang dihoskan oleh NBD pada tahun ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Jeti Bravo dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada 109 anggota TLDB (kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Upacara Pentaulahan Kapal Peronda Kapal Diraja Brunei (KDB) AL-FARUQ.

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin, TLDB.

Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9 dari Republik Singapura diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong. Ahli-ahli rombongan termasuk Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean; Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Zaqy Mohamad; Setiausaha Tetap (Pertahanan), Tuan Chan Heng Kee; dan Pemerintah Tentera Laut Republik Singapura (TLRS), Laksamana Muda Sean Wat Jianwen.

>> Muka 8



DOA Selamat dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarrah Agama ABDB (JAMAAT), Lettenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Sabda Pentaulahan dan mengurniakan Commissioning Pennant kepada KDB AL-FARUQ yang diterima oleh Pegawai Pemerintah KDB AL-FARUQ, Lettenan Komander Khairul Anwar bin Pengiran Haji Abu Bakar, TLDB (atas kiri dan kiri). Manakala gambar atas, DYTM menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan. Sementara gambar bawah kanan, laungan Azan yang dikumandangkan oleh Lettenan Ahmad Zubair bin Abdul Nasir. Sementara gambar bawah kiri, sekitar Upacara Pentaulahan Kapal Peronda KDB AL-FARUQ yang berlangsung di Jeti Bravo, Pangkalan Tentera Laut Muara.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura semasa sesi bergambar ramai.

>> Muka 7

Upacara tersebut dimulakan dengan Duli Yang Teramat Mulia menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada 109 anggota TLDB diketuai oleh Lettenan Komander Mohammad Shahrul Idham bin Haji Bongsu, TLDB.

DYTM seterusnya dijunjung berangkat ke Dais Pentaulahan, di mana bacaan Surah Al-Fatiha telah dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanrah Agama ABDB (JAMAAT), Lettenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

DYTM kemudian berkenan mengurniakan Sabda Pentaulahan dan mengurniakan Commissioning Pennant kepada KDB AL-FARUQ yang diterima oleh Pegawai Pemerintah KDB AL-FARUQ, Lettenan Komander Khairul Anwar bin Pengiran Haji Abu Bakar, TLDB.

Upacara diteruskan dengan

pengibaran Commissioning Pennant dan panji-panji TLDB di atas KDB AL-FARUQ yang diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kemudian DYTM dijunjung bagi tinjauan ke KDB AL-FARUQ, sejurus laungan Azan yang dikumandangkan oleh Lettenan Ahmad Zubair bin Abdul Nasir dan Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMAAT bagi memberkati pentaulahan KDB AL-FARUQ.

Upacara Pentaulahan KDB AL-FARUQ berakhir dengan sesi bergambar ramai dan seterusnya

DYTM berkenan berangkat ke Mes Pegawai TLDB bagi sesi eksekutif bersama rombongan Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9 dari Republik Singapura dan pemimpin-pemimpin utama Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata dan Tentera Laut NBD dan Republik Singapura dan diteruskan dengan Majlis Santap Tengah Hari.

Penyerahan kapal peronda milik TLRS tersebut yang sebelum ini dikenali sebagai RSS DAUNTLESS adalah tanda penghargaan dan persahabatan hasil dari kerjasama erat di antara

Angkatan Bersenjata dan Tentera Laut NBD dan Republik Singapura.

Perkataan AL-FARUQ yang dipilih dari bahasa Arab yang membawa maksud berani adalah merupakan salah satu nilai teras ABDB dan menjadi elemen penting bagi TLDB. Sifat ini juga membina perwatakan yang berintegriti tinggi dalam mempertahankan kedaulatan maritim NBD.

Upacara Pentaulahan KDB AL-FARUQ menandakan selesainya Projek Patrol Vessel Transfer di antara TLDB dan

TLRS, yang melibatkan penyerahan dua buah kapal TLRS jenis Fearless-Class Patrol Vessel di mana kapal peronda pertama iaitu Kapal Peronda KDB AS-SIDDIQ telah pun dilaunched pada 21 Mac 2023.

Kejayaan usaha ini merupakan peristiwa yang signifikan dan bermakna dalam meningkatkan dan mengukuhkan usaha kerjasama dan diplomasi pertahanan di antara NBD dan Republik Singapura, yang juga menjadi lakukan bersejarah di dalam perkembangan TLDB khususnya, dan ABDB amnya.



DYTM berkenan menerima pesambah.



ROMBONGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SINGAPURA BERTOLAK MENINGGALKAN NBD



TIMBALAN Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta rombongan ketika berbual mesra bersama Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Datin sebelum bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Disember. - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta rombongan, hari ini bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah membuat Lawatan Kerja selama tiga hari, bermula pada 12 hingga 14 Disember 2023.

Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dan isteri serta delegasi berada di NBD bagi Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9.

Semasa lawatan kerja berkenaan, Tuan Yang Terutama antara lain menyaksikan Upacara Pentaulahan Kapal Peronda Kapal Diraja Brunei (KDB) AL-FARUQ oleh Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); menyampaikan Ceramah Khas dan membuat lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

TYT dan isteri serta delegasi juga membuat lawatan ke Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, diikuti dengan Riadah Berjalan Kaki dan Majlis Santap Pagi bersama Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri



Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, bertempat di Abode Resort and Spa, Temburong.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada TYT ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Datin; dan Timbalan Menteri Kewangan dan

Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Mengiring TYT Lawrence Wong ialah Menteri Negara Kanan, Kementerian Kemampunan dan Sekitaran dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Zaqy Mohamad; dan Menteri Negara Kanan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Tan Kiat How.

Hubungan NBD-Republik Singapura terus diperkuatkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



TIMBALAN Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong berucap pada Ceramah Khas bertajuk 'A Partnership for All Seasons'.

>> Muka 1

Dalam Ceramah Khas tersebut, Tuan Yang Terutama juga antara lain menekankan tentang



TUAN Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dan rombongan semasa sesi bergambar ramai bersama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II serta Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada Ceramah Khas tersebut.

pertahanan.

Sesi Ceramah Khas bersempena Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9 dan soal jawab dimudah cara oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri dan juga Pemangku Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Md. Izzat Izzudin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Hadir pada sesi Ceramah Khas tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

TYT telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Republik Singapura pada 13 Jun 2022.

TYT juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Pihak Berkua Monetari Singapura, Pengerusi Majlis Penasihat Antarabangsa (IAC) Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) Singapura, Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Pelaburan Pemerintah Singapura (GIC), Pengerusi Jawatankuasa Strategi Pelaburan GIC, Ahli kepada Majlis

Ekonomi Masa Depan (FEC), Majlis Kajian, Inovasi dan Keusahawanan (RIEC) dan juga Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF).

Atur cara sesi Ceramah Khas berkenaan diteruskan dengan Resepsi Minum Petang yang dihoskan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari kementerian - kementerian, institut-institut pengajian tinggi, Government Linked Companies (GLCs), dan persatuan-persatuan dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs).



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Doa Kesukuran bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang telah menyertai misi pengamanan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) bersama Malaysian Battalion (MALBATT) 850-10 (atas dan kanan).

>> Muka 1

Hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Pengarah-pengarah, pegawai-

pegawai tentera dan awam serta kakitangan Kementerian Pertahanan.

Majlis tersebut diselaraskan dengan Acara Halaqah Jumaat mingguan, yang turut memuatkan penyampaian tazkirah bertajuk 'Pengorbanan Demi Pengorbanan' yang disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarrah Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Nur Amin bin Jali.

Ceramah tersebut antara lain menekankan tentang jihad atau pengorbanan seorang tentera itu bermula dengan memperbaiki niat, beramal soleh dan menguatkan hubungan dengan Allah

30 ANGGOTA ABDB MISI UNIFIL MALBATT DIRAIKAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Subhanahu Wata'ala, sentiasa menjaga disiplin, mengawal hawa nafsu daripada melakukan dosa dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat tanpa mengenal erti putus asa demi agama, raja, negara dan bangsa.

Kemudian, majlis diikuti dengan penyampaian sijil kepada pegawai dan anggota-anggota kontinjen oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan disusuli dengan bacaan Doa Kesukuran.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa penutup dan sesi gambar

ramai.

Misi luar negara merupakan aspirasi yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan NBD.

ABDB tetap komited untuk menyumbang kepada keamanan dan kestabilan rantau dan antarabangsa, yang mana merupakan sebahagian daripada komitmennya ke arah keamanan global.

Pada bulan Oktober lalu, ABDB meneruskan lagi penempatan seramai 29 anggotanya ke misi UNIFIL dengan MALBATT 850-11.



TAZKIRAH disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarrah Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Nur Amin bin Jali.

Usaha mempelbagaikan ekonomi melalui keusahawanan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



UCAPAN alu-aluan Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam.

GADONG, Khamis, 14 Disember. - Seramai 21 usahawan wanita berjaya menamatkan Program Academy for Women Entrepreneurs (AWE).

Sehubungan itu, satu Majlis Penyampaian Sijil telah diadakan pada Majlis AWE Graduation yang berlangsung di Dewan VIP, Hotel Antarabangsa Rizqun, hari ini.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn McClelland;

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DARe, Dayang Norlela binti Suhalee, jemputan khas dan para peserta Program AWE.

Dalam ucapan alu-aluannya, Puan Yang Terutama Caryn McClelland menyatakan bahawa graduan pada hari ini merupakan yang terpilih daripada lebih daripada 200 pemohon.

Menurut PYT, mereka ini adalah usahawan persendirian, suri rumah, ibu bekerja, ibu tunggal dan *professional multitasking* daripada latar belakang ekonomi yang berbeza.

"Majoriti mereka ini memulakan perniagaan mereka dari rumah dan mempunyai sedikit atau tiada latihan perniagaan biasa.

"Kami amat percaya untuk meneruskan program ini kerana ia menggabungkan dua matlamat utama kami, memperkasakan wanita dan membantu negara dalam usaha mempelbagaikan ekonomi melalui keusahawanan," jelas PYT.

Seramai tiga perniagaan terpilih daripada 13 bidang perniagaan merentasi pelbagai industri seperti pakaian, perkhidmatan, makanan & minuman, hiburan, kreatif, pendidikan, flora dan kraf tangan semasa Hari Pitching yang telah diadakan pada 22 November 2023 yang lalu.

Panel hakim terdiri daripada Pengurus Kanan di DARe, Cynthia Lim; Pegawai Hal Ehwal Awam Kedutaan AS, Katherine Ntiamoah; Ketua Pegawai Pemasaran di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah

Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar; Ketua Pegawai Perniagaan dari Kumpulan Poni dan Mentor di bawah program Mentorship DARe Brunei Mentors for Entrepreneurs Network (BMEN), Dayang Anna Aziz dan Rakan Kongsi Urusan Sapphira Cake House & Café, Dayang Maria Rahman.

Penerima anugerah berkenaan membawa pulang pembayaran sebanyak USD3,000 seorang.

Penerima-penerima tersebut ialah Harry Knit, jenama Knitwear yang bertujuan mencipta pakaian Knitwear moden namun *eclectic* yang diinspirasikan oleh warisan Melayu. Sementara itu, KUEHKU! - Permainan kad pantas yang menampilkan hidangan kecil lazat yang diilhamkan daripada Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Negara Brunei Darussalam (dan seluruh dunia) manakala Khush - Pakaian *maternity* yang sederhana dan mampan.

Sepanjang tiga kohort terakhir, 66 usahawan wanita telah mendapat manfaat daripada AWE dan daripada penyertaan mereka dalam program ini, telah turut mendapat manfaat daripada Program DARe lain yang termasuk kem permulaan perniagaan, pembiayaan dan ruang.

Di samping itu, usahawan wanita AWE juga telah menerima peluang rangkaian dan menghadiri Sidang Kemuncak Serantau AWE di Kuala Lumpur serta Sidang Kemuncak Teknologi Wanita Indo-Pasifik AWE di Taiwan yang kedua-duanya diadakan pada Mac dan November



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) semasa hadir pada Majlis Penyampaian Sijil bagi AWE Graduation yang berlangsung di Dewan VIP, Hotel Antarabangsa Rizqun.

2023, masing-masing.

Pada majlis berkenaan, penyampaian sijil kepada peserta yang berjaya menamatkan program AWE telah disempurnakan oleh PYT McClelland.

Majlis juga menyaksikan penyampaian pembiayaan kepada tiga perniagaan terbaik yang disempurnakan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan

Ekonomi.

Program AWE dibukukan kepada usahawan wanita yang berpangkalan di NBD yang berusia antara 18 hingga 40 tahun yang berada pada peringkat awal memulakan dan menjalankan sebuah perniagaan serta mempunyai latihan atau latar belakang perniagaan yang terhad.

NBD - CHINA FOKUS PROJEK KERJASAMA BIJI BENIH PADI



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat pada Pelancaran Projek Kajian Kesesuaian Varieti Padi bagi Kawasan Ladang yang Tidak Mempunyai Sistem Pengairan bertempat di ladang padi di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lekiu, Daerah Temburong (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, penyerahan benih padi oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD kepada Setiausaha Tetap KSSUP.

Oleh : Marlinaawaty Hussin

Foto : Ihsan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

>> Muka 1

Antara fokus utama projek kerjasama ini adalah untuk mendapatkan bekalan benih varieti berhasil tinggi padi dari Republik Rakyat China bagi menjalankan kajian kesesuaian varieti di NBD dan pada masa yang sama mendapatkan bantuan Pakar Pembibitan Padi Hibrid (Hybrid Rice Breeder) bagi membantu melaksanakan dan memperkuuhkan program pembibitan padi dan industri biji

benih padi di negara ini.

Acara kemuncak majlis ialah penyerahan benih padi oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD kepada Setiausaha Tetap KSSUP.

Majlis diteruskan dengan penyerahan semaihan padi daripada Setiausaha Tetap KSSUP kepada Awang Pilpus bin Riyoud, iaitu peladang padi di KKP Lekiu yang terlibat dalam aktiviti kajian tersebut.

Penanaman padi menggunakan varieti padi berhasil tinggi ialah

strategi utama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk meningkatkan hasil padi bagi setiap hektar yang diusahakan.

Sebelum ini, kajian-kajian yang dilaksanakan memfokuskan kepada kawasan yang mempunyai sistem pengairan (*irrigated*).

Hasil beberapa kajian, purata hasil dapat ditingkatkan hingga mencapai 6 tan metrik sehektar. Usaha terkini jabatan ialah untuk meningkatkan hasil ladang-ladang yang tidak mempunyai sistem pengairan yang lengkap (*non-irrigated*) di kawasan penanaman padi yang terletak di Daerah Tutong, Belait dan

Temburong.

Disebabkan ketiadaan sistem pengairan yang lengkap dan bergantung sepenuhnya kepada sumber air hujan, tanaman padi hanya diusahakan sekali setahun dengan purata hasil 1 tan metrik setahun sahaja.

Melalui strategi peningkatan produktiviti padi ini, ia diharap akan dapat meningkatkan pengeluaran padi negara, meningkatkan kadar sara diri beras serta menjadikan sektor industri padi berdaya maju dan berdaya tahan bagi masa yang panjang.

Perasmian Gerai Amal Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa meninjau aktiviti jualan dan seterusnya bergambar ramai (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Nur Izzah Razali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Gerai Amal Tabung

Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza sempena Hari Keluarga 2023 telah diadakan selama lima hari bermula hari ini hingga 17 Disember 2023 di kawasan lapang dan padang Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut, di sini.

Majlis tersebut merupakan salah satu usaha untuk memberi kemudahan orang ramai bagi menghulurkan derma kepada tabung berkenaan, yang dianjurkan bersama Jawatankuasa Takmir / Muslimah Masjid Kampung Bunut

dan Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan gerai tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin juga selaku Penghulu Mukim Lumapas dan Pemangku Penghulu Mukim Kilanas.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Kahiroul

Johani bin Haji Jumat.

Majlis diteruskan dengan perasmian gerai oleh tetamu kehormat, diikuti bacaan Doa Selamat.

Pelbagai aktiviti juga diadakan semasa Gerai Jualan Amal seperti Walkaton, Sukan Ria Keluarga, peraduan dan pertandingan dan lain-lain aktiviti yang bersesuaian. Hasil pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti-aktiviti yang diadakan akan diserahkan sepenuhnya kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Adapun tujuan diadakan acara ini adalah untuk menggalakkan seluruh rakyat supaya merasakan prihatin terhadap penderitaan rakyat Palestin selain itu ia merupakan tuntutan ugama Islam untuk menghulurkan bantuan kepada insan-insan yang ditimpah kesusahan.

Sementara itu, ia juga menggalakkan kepada peniaga-peniaga kecil bagi menjana pendapatan, dan mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat dan penduduk-penduduk kampung.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Hakikat fitrah bagi kejadian setiap insan akan melakukan beberapa proses fasa dalam kehidupan. Bermula dari fasa dalam kandungan, fasa selepas kelahiran, fasa kanak-kanak, fasa remaja dan dewasa dan akhirnya fasa di hari tua.

Setiap fasa yang dilalui itu akan mengalami perubahan-perubahan dari aspek fizikal, mental dan emosi, sosial serta rohani. Perubahan fasa-fasa ini merupakan lumrah yang akan dilalui oleh setiap insan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 70 :

Tafsirnya : "Dan Allah menciptakan kamu (wahai manusia daripada tiada kepada ada) kemudian Dia mematikan kamu, (maka ada di antara kamu yang

Sayangi dan hargai warga emas

disegerakan matinya) ada pula antara kamu yang dikembalikan kepada peringkat umur (akal) yang paling lemah sehingga tidak mengetahui sesuatu yang pernah diketahuinya. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa".

Dari perspektif Islam, usia emas bukanlah satu masalah atau bebanan, sebaliknya ia merupakan satu proses yang biasa dan perlu diuruskan sebaiknya agar matlamat akhir kehidupan untuk mendapatkan pengakhiran yang baik atau Husnul Khatimah akan tercapai.

Islam mengajar umatnya agar mengamalkan sikap saling menghormati dan menyantuni antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, pangkat ataupun keturunan. Sikap seperti ini perlu disemai sejak kecil, lebih-lebih lagi terhadap kedua ibu bapa. Asuhlah anak-anak kita untuk beradab dengan semua orang, lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa.

Sesungguhnya menghormati dan menyantuni ibu bapa adalah wajib kerana ia adalah perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Jika kita tidak berbuat baik terhadap keduanya, maka kita dikira melakukan dosa besar kerana melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahqaf, ayat 15 :

Tafsirnya : "Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajar kita untuk berbuat baik kepada orang dewasa sebagaimana yang disebutkan dalam hadis, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Bukanlah daripada golongan kami barang siapa yang tidak mengasihi kanak-kanak dan tidak menghormati orang dewasa". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Golongan warga emas seharusnya diperlakukan secara baik, disayangi dan

dihormati kerana ia adalah tuntutan Islam. Kita hendaklah sedar bahawa kita juga akan berada pada usia tua suatu hari nanti.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan agar kita terus berbakti kepada kedua orang tua yang sudah lanjut usia. Bakti seorang anak kepada ibu bapa boleh menjadi penyebab untuk dirinya dimasukkan ke syurga. Allah Subhanahu Wata'ala memperingatkan kelebihan berbuat baik kepada ibu bapa melalui firman-Nya dalam Surah Al-Isra', ayat 23 :

Tafsirnya : "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang daripada mereka berdua atau kedua-duanya berumur lanjut dalam jagaan dan peliharaanmu maka janganlah sekali-kali engkau mengatakan kepada kedua-keduanya (sesuatu perkataan yang boleh menyenggung perasaan seperti perkataan) "Ah" dan janganlah engkau menengking kedua-duanya tetapi ucapkanlah kepada kedua-duanya perkataan yang mulia (dengan berlemah lembut dan bersopan santun)".

Menerusi ayat tersebut, dapat kita fahami bahawa memuliakan kedua orang tua bererti memuliakan Allah Subhanahu Wata'ala

kerana itulah Allah Subhanahu Wata'ala menghubungkan perintah berbuat baik kepada ibu bapa dengan perintah tauhid kepadanya. Alangkah ruginya, mereka yang masih ada orang tua, tetapi tidak berbuat baik kepada keduanya dan tidak menunaikan tanggungjawab yang sepatutnya serta gagal memberikan perhatian ketika ibu bapa datang mengadu dan gagal mengisi ruang sunyi dan rasa rindu ibu bapa untuk mendapatkan kasih sayang.

Marilah kita menzahirkan rasa hormat dan kasih sayang kita kepada golongan warga emas dengan menyantuni mereka sebaik mungkin. Menyayangi warga emas adalah sifat orang bertakwa. Kita zahirkan sikap keprihatinan dan rasa simpati terhadap mereka dengan memelihara hubungan yang baik terutama kepada ibu bapa. Mudah-mudahan dengan demikian, kehidupan kita akan bahagia dan selamat di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan hendaklah engkau merendah diri dengan penuh kasih sayang dan berdoalah (untuk kedua-duanya) : "Ya Tuhan! Kurniakanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidik ku semasa kecil (lagi)". (Surah Al-Isra', ayat 24)

DARI perspektif Islam, usia emas bukanlah satu masalah atau bebanan, sebaliknya ia merupakan satu proses yang biasa dan perlu diuruskan sebaiknya agar matlamat akhir kehidupan untuk mendapatkan pengakhiran yang baik atau Husnul Khatimah akan tercapai.

Islam mengajar umatnya agar mengamalkan sikap saling menghormati dan menyantuni antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, pangkat ataupun keturunan. Sikap seperti ini perlu disemai sejak kecil, lebih-lebih lagi terhadap kedua ibu bapa. Asuhlah anak-anak kita untuk beradab dengan semua orang, lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa.

Pilih Islam sebagai pegangan hidup

TUTONG, Khamis, 14 Disember.- Seorang wanita berbangsa Dusun bersama anaknya telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup mereka yang baharu, dengan melafazkan Dua Kalimah Syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan di sebuah rumah persendirian di Kampung Bukit Udal, Tutong, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, selaku Penghulu Mukim Ukong Daerah Tutong.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz Dua Kalimah Syahadah oleh Dayang Rosjalinawati binti Paras, 30 tahun, yang kemudian memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Azharinawati binti Abdullah Paras.

Sementara anak lelakinya, Awang Norjasrol bin Normie, 7 tahun, kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Norjasrol bin Abdullah.

Majlis Pengislaman tersebut disempurnakan oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengembangan Da'wah (Unit Da'wah Tutong), Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai, serta diteruskan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir menyaksikan Majlis Pengislaman bagi Dayang Rosjalinawati binti Paras yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Azharinawati binti Abdullah Paras (kanan dan atas).

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

dengan penyampaian cenderahati daripada PDI kepada Mualaf berkenaan yang disempurnakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Juga hadir, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Ruslan bin Haji Sulaiman dan Pemangku Pegawai Ugama

Kanan, PDI, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop.

Mengikut statistik keramaian mereka yang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam dari Januari 2023 hingga 30 November 2023 ialah seramai 355 orang, 92 orang daripadanya adalah dari Daerah Tutong.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak





SAYANGI DAN HARGAI WARGA EMAS

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 2 Jamadilakhir 1445H/15 Disember 2023M

Dari perspektif Islam, usia emas ialah:

- Bukan masalah/beban
- Satu proses yang biasa dan perlu diuruskan sebaiknya

Matlamat akhir kehidupan ialah untuk mendapatkan pengakhiran yang baik (*Husnul Khatimah*)

Islam mengajar umatnya agar mengamalkan sikap saling menghormati dan menyantuni antara satu sama lain tanpa mengira:



Apa yang boleh kita buat?

Asuh anak-anak untuk beradab dengan semua orang, lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa



Zahirkan sikap keprihatinan dan rasa simpati terhadap warga emas dengan memelihara perhubungan yang baik



Golongan Warga Emas

- Seharusnya diperlakukan secara baik, disayangi dan dihormati
- Menyayangi warga emas: sifat orang bertaqwah




**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAHAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



!

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkappkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2. Lengkappkan Kelulusan (Reputusian / pengiktirafan serta subjek / bidang kelulusan)

3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (MKPK) yang berkenaan

4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5. Lengkappkan Maklumat Basirah / perperiksaan / Papercut Pengkhidmatan Awam / Istimah-Istimah / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan dalam skim iklan

+673 7371961



PSC.BN

Talian WhatsApp Suruhanjaya Pengkhidmatan Awam

PSC.BN

Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEGAWAI PELAJARAN G.13 (BAHAGIAN II) 2023/NOV/10	JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	7(A)	23 DISEMBER 2023
2. PEGAWAI PARIT DAN TALIAIR B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2023/NOV/05	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	23 DISEMBER 2023
3. PENGAWAS TINGKAT KHAS C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/NOV/09	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	06	7(A)	23 DISEMBER 2023
4. PEGAWAI PENAKSIR TANAH B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2023/DEC/02	JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	25 DISEMBER 2023
5. PEGAWAI KANAN KHIDMAT NASIHAT RUMAH TANGGA C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2023/NOV/07	JABATAN HAL EHWAH SYARIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	7(A)	25 DISEMBER 2023

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD Saya" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIRAKAMAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / BPP / 066 / 2023

Tajuk Tawaran :
PROVISION OF MANPOWER FOR LOW VOLTAGE REMEDIAL WORKS IN SENGKURONG AREA

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / BPP / 068 / 2023

Tajuk Tawaran :
MAINTENANCE OF POLE MOUNTED AND 8M TO 10M STREET LIGHTING LUMINAIRES AT MUKIM SERASA AND MUKIM MENTIRI

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
9 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

Tempat Tutup :
"Tender Box"

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Basement Two (B2) Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam KELAS 3, 4 atau 5 sahaja, dalam kategori E01 dan E02 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E01 dan E02.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAH
UGAMA**

1. Bilangan Sebut Harga : KHEU / JPI / JKS / PPR(F) / 2023-2024

2. Bilangan Sebut Harga : KHEU / JPI / JKS / PPR(G) / 2023-2024

3. Bilangan Sebut Harga : KHEU / JPI / JKS / PPR(I) / 2023-2024

4. Bilangan Sebut Harga : KHEU / JPI / JKS / PPR(J) / 2023-2024

Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh 2 Tahun

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam Tahun 1444H-1445H / 2023M-2024M

Tarikh Tutup :
Rabu, 14 Jamadilakhir 1445H / 27 Disember 2023M, tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
3 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Notis Sebut Harga

1. Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 199 / 23 - 24
- GRASS CUTTING OF RADIO TELEVISION BRUNEI KUALA BELAIT STUDIO FOR PERIOD OF TWO (2) YEARS

2. Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 200 / 23 - 24
- GRASS CUTTING OF RADIO TELEVISION BRUNEI TUTONG STUDIO FOR PERIOD OF TWO (2) YEARS


**JABATAN BANDARAN
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
Q.JDT/S / 10 / 2023

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pemeliharaan Aset-Aset Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
27 Disember 2023,
jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga :
31 / DBP / SH / 2023-2024

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 20 Disember 2023.
Tidak lewat jam 10.00 Paggi.

Yuran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**


Tajuk Tawaran. 1
To Supply and Deliver Of New Forklift For Department Of Civil Aviation
AME / 2023-2024 / SH-109
(Kelas I atau II)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :
16 Disember 2023 (Sabtu)

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :
30 Januari 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
31 Januari 2024 (Rabu)
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran :
Request For Information (RFI): Smart Public Transport and Mobility System for Brunei Darussalam : Smart Transport System (STS)

Tarikh Tutup Menghantar Tawaran :
Khamis, 1 Februari 2024, sebelum 2.00 Petang.

Request For Information (RFI) :
Smart Public Transport and Mobility System for Brunei Darussalam: Smart Transport System (STS)





MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 98 / 2023

BAIDURI BANK SENDIRIAN
BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetsyen

SYED HAJI HASHIM
BIN MALAI HAJI OTHMAN
(BYIC No. 00-028300)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 November 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

SYED HAJI HASHIM
BIN MALAI HAJI OTHMAN
No. 30, Spg. 140-13,
Jalan Madang,
Berakas BC3715,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
19 Ogos 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 3 Januari 2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 Januari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 Januari 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

IKLAN

HARI SABTU 16 DISEMBER 2023

15

penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 146 / 2023

BAIDURI BANK SENDIRIAN
BERHAD

- Pemutang Penghakiman /
Pemetsyen

FIRDAUD BIN NAWI
(BYIC No. 00-290320 /
RBAF No. 15361)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 November 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

FIRDAUD BIN NAWI
No. 4, Spg. 93-16-5,
RPN Kampung Pandan,
Kuala Belait, KA3131,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
22 Ogos 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 3 Januari 2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 Januari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
11 Disember 2023

MUHD. MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 379 / 2019

MALAYAN BANKING BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetsyen

HAJI SARDUNI
BIN HAJI AHMAT
(BYIC No. 00-072402)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Disember 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HAJI SARDUNI
BIN HAJI AHMAT
No. 21, Simpang 57,
Jalan Kilanas Mulaut,
Kampung Kilanas BF2520
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
31 Oktober 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
9 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Disember 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 26 Februari 2024, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Februari 2024, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
9 Disember 2023

Kes No. BCY / CP / 228 / 2008

BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously filed by HSBC
FINANCE (B) BERHAD)
- Pemutang Penghakiman /
Pemetsyen

HAJI HANAFI BIN HJ ABDUL KADIR
(BYIC No. 00-128232)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **20 November 2008** telah dibatalkan pada **9 Disember 2023**.

Nama Penghutang :
HAJI HANAFI BIN HJ ABDUL KADIR

Alamat Penghutang :
No. 7, Simpang 245-7,
Jalan Wasai Limuru,
RPN Kampung Meragang,
Jalan Muara BT2718,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
11 Disember 2023

KES NO.
BCY / CP / 196 / 2018

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

HERINE BINTI ARI
(00-281417 - BYIC)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-
a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Disember 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HERINE BINTI ARI
No. 23, Simpang 5,
Jalan Keruak,
RPN Panaga Seria, KB4533
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
9 Mac 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
11 Disember 2023

NUUROR-RAHEEBAH
BINTI HAJI ABD. WAHAB
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 165 / 2023

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetsyen

DK. NURULDIANA
BINTI PG. ADI SUFRI
(BYIC No. 01-038144)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 November 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

DK. NURULDIANA
BINTI PG. ADI SUFRI
No. 15, Spg. 307,
Kg. Kupang,
Tutong TB2941,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
26 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 8 April 2024, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.</p

>> Muka 15

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 21 Oktober 2017 telah dibatalkan pada 25 November 2023.

Nama Penghutang :
AWANG LAMIT BIN MATZIN

Alamat Penghutang :
No. 10, Jalan 82,
Simpang 82-11,
Kampung Rimba
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
11 Disember 2023

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 225 / 2023

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetsyen

AMIRUL BIN AHAT
(BPIC No. 31-002231)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 November 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
AMIRUL BIN AHAT
No. 457, Spg. 455,
Jln. Kecil Sg. Bakong,
Lumut, Belait, KC2935,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
24 Ogos 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi

dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
7 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 18 Januari 2024, jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 Januari 2024, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh :
7 Disember 2023

MUHAMMAD SYAFIQ
BIN AWANG HAJI ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan :

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

KETUA KAMPUNG TINGKAT I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

DAERAH TUTONG

1. Kampung Petani,
Mukim Pekan Tutong

2. Kampung Pengkalan Mau,
Bakiau dan Batang Mitus,
Mukim Kiudang

3. Kampung Bukit Sulang,
Menengah dan Panchong,
Mukim Lamunin

4. Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 2, Mukim Telisai

5. Rancangan Perumahan
Negara Bukit Beruang
Kawasan 4, Mukim Telisai

6. Kampung Layong,
Mukim Lamunin

7. Kampung Merimbun,
Mukim Rambai

**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

Iklan Jawatan Kosong
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

1. Jawatan :
Penyelia Asrama Tingkat III

2. Bahagian :
IV

3. Tangga Gaji :
D.3-4 EB.5-6
(BND900 - BND1,785 Sebulan)

4. Kekosongan Jawatan :
1 Kekosongan

Tarikh Iklan :
11 Disember 2023

Tarikh Tutup Iklan :
30 Disember 2023

Rujukan Iklan :
KUPU SB / PJW / 13-15 / 24-1B

**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

Iklan Jawatan Kosong
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

1. Jawatan :
Penolong Pensyarah (PT1)

2. Bahagian :
II

3. Tangga Gaji :
PT1 (BND2,905 - BND3,000 -
BND3,095 - BND3,190)

4. Kekosongan Jawatan :
4 kekosongan

5. Bidang :
Pendidikan

Tarikh Iklan :
11 Disember 2023

Tarikh Tutup Iklan :
30 Disember 2023

Rujukan Iklan :
KUPU SB / PJW / 13-15 / 24-1A

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
BBS / BPE / TI / 2023 - 6

Keterangan Tawaran :
Penyewaan Ruang-Ruang
Perniagaan Bangunan
Pasarneka Kuala Belait

dan
Kompleks Sri Selera Di Bawah
Kawalan Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat

Selasa,
26 Disember 2023
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran :
Request For Information (RFI):
Smart Public Transport and
Mobility System for Brunei
Darussalam: Core Bus Network
Services (CBNS)

**Tarikh Tutup Menghantar
Tawaran :**
Khamis,
1 Februari 2024,
sebelum 2.00 Petang.

Request For Information (RFI) :
Smart Public Transport
and Mobility System
for Brunei Darussalam :
Core Bus Network
Services (CBNS)

**JABATAN
PENERBANGAN AWAM****KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

ANS / 2023 / SH-9

"Pembekalan Kelengkapan
Bagi Kesejahteraan

dan Keperluan Pegawai dan
Kakitangan di Bangunan

ATSC, Jabatan Penerangan
Awam"

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

13 Disember 2023,

Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

19 Disember 2023,

Selasa.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

ANS / 2023 / SH-9

"Pembekalan Kelengkapan
Bagi Kesejahteraan

dan Keperluan Pegawai dan
Kakitangan di Bangunan

ATSC, Jabatan Penerangan
Awam"

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

13 Disember 2023,

Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

19 Disember 2023,

Selasa.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

ANS / 2023 / SH-9

"Pembekalan Kelengkapan
Bagi Kesejahteraan

dan Keperluan Pegawai dan
Kakitangan di Bangunan

ATSC, Jabatan Penerangan
Awam"

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

13 Disember 2023,

Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

19 Disember 2023,

Selasa.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

ANS / 2023 / SH-9

"Pembekalan Kelengkapan
Bagi Kesejahteraan

dan Keperluan Pegawai dan
Kakitangan di Bangunan

ATSC, Jabatan Penerangan
Awam"

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

13 Disember 2023,

Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**

19 Disember 2023,

Selasa.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

ANS / 2023 / SH-9

"Pembekalan Kelengkapan
Bagi Kesejahteraan

dan Keperluan Pegawai dan
Kakitangan di Bangunan

ATSC, Jabatan Penerangan
Awam"

Tar

30 anggota ABDB selamat pulang ke tanah air

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Kementerian Pertahanan



PEMERINTAH Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigadier Jeneral Haji Mohammad Shanonnizam bin Sulaiman semasa hadir pada upacara perbarisan bagi 30 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terdiri daripada tiga pegawai dan 27 lain-lain peringkat yang menyertai Malaysian Battalion (MALBATT) 850-10 yang telah pun selamat kembali ke tanah air (atas, atas kiri dan bawah kiri).

BOLKIAH GARISON, Rabu, 13 Disember. - Seramai 30 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terdiri daripada tiga pegawai dan 27 lain-lain peringkat yang menyertai Malaysian Battalion (MALBATT) 850-10 telah pun selamat kembali ke tanah air setelah selesai penugasan misi pengamanan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Sersi di Lubnan (UNIFIL).

Upacara perbarisan bagi meraikan kepulangan kontinjen tersebut diadakan pada hari ini di Bolkiah Garison.

Perbarisan diketuai oleh 961 Mejai Hisham bin Haji Mahmud selaku Ketua Kontinjen ABDB bagi misi tersebut.

Hadir menyambut kepulangan

kontinjen tersebut adalah Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigadier Jeneral Haji Mohammad Shanonnizam bin Sulaiman.

Turut hadir adalah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Markas Angkatan Bersama ABDB, Pengarah-pengarah Tentera serta pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat, diikuti dengan pembukaan lencana misi dan kemudiannya diakhiri dengan bergambar ramai.

Sebelum pulang ke tanah air,

kontinjen tersebut telah pun menerima Pingat Perkhidmatan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu yang disampaikan oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Mohammad Ab Rahman, di Padang Kawad PUSASDA, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.

Pingat tersebut adalah merupakan pengiktirafan kejayaan kontinjen tersebut dalam melaksanakan penugasan misi pengamanan UNIFIL yang bermula dari 27 Oktober 2022 sehingga 17 November 2023.

Dengan itu, kontinjen MALBATT 850-10 secara rasminya telah pun menyerahkan tugas kepada kontinjen MALBATT 850-11.

SEAMEO VOCTECH - FINLAND : MEMAJUKAN PENDIDIKAN, PUPUK KERJASAMA ANTARABANGSA



PUSAT Serantau SEAMEO VOCTECH semasa menerima Lawatan Rasmi daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Finland ke Negara Brunei Darussalam (Tidak Menetap) (kiri dan kanan).

Oleh : Marlinaawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Rabu, 13 Disember. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH hari ini menerima Lawatan Rasmi daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Finland ke Negara Brunei Darussalam (Tidak Menetap), Tuan Yang Terutama Sami Rafael Leino, bertujuan bagi meneroka peluang kerjasama antara Finland dan pusat serantau berkenaan.

"Kami berasa teruja mengenai potensi bagi kerjasama dalam bidang-bidang pendidikan dan menghargai pandangan jauh serta inovasi yang telah Finland

Pengarah Pusat SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar dalam ucapan alu-aluannya berkata, mesyuarat yang diadakan semasa lawatan berkenaan melambangkan komitmen bersama antara kedua belah pihak bagi memajukan pendidikan dan memupuk kerjasama antarabangsa.

"Kami berasa teruja mengenai potensi bagi kerjasama dalam bidang-bidang pendidikan dan menghargai pandangan jauh serta inovasi yang telah Finland

sumbangkan secara konsisten kepada landskap pendidikan global," ujar beliau lagi.

Dalam sesi dialog semasa lawatan tersebut, jelasnya, mereka akan mengadakan perbincangan bermakna tentang bagaimana perkongsian tersebut dapat meningkatkan pengalaman pendidikan secara lebih lanjut bagi semua yang terlibat dan menyumbang kepada peningkatan pendidikan yang berkualiti.

Pada lawatan itu, Tuan Yang Terutama diberikan penerangan

mengenai Laporan Pencapaian SEAMEO VOCTECH bagi Tahun Fiskal 2022 - 2023 yang antara lain menggariskan pencapaian paling ketara pada tahun berkenaan dan pengemaskinian Pembangunan Profesional; Penyelidikan dan Pembangunan; juga Pengurusan Pengetahuan.

Selain itu, TYT turut mendengar taklimat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan teras yang ditawarkan pusat serantau berkenaan termasuk Latihan dan Pembangunan Profesional;

Penyelidikan dan Konsultasi; serta Pengurusan Pengetahuan dan Perkongsian Maklumat.

Lawatan tersebut turut diisikan dengan sesi pertukaran dialog antara delegasi Finland dan pengurusan SEAMEO VOCTECH bagi prospek perkongsian masa hadapan dengan institusi-institusi Finland yang relevan bagi pembangunan vokasional serantau.

Turut hadir, Kaunselor Perdagangan bagi Perniagaan Finland, Peta Laitinen.

PROGRAM SIVIK NBD TUTUP TIRAI

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Disember. - Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2023 / 2024 menutup tirainya petang tadi dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada 39 peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Usgama, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan dan Pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Awang Muhammad Faturrahman bin Awang Embran.

Ketua Peserta Program Sivik, Awang Muhamad Syahmi bin Muhamad Yussof dalam ucapannya menyatakan bahawa kursus selama lima hari memberi kefahaman kepada mereka mengenai kepentingan agensi-agensi kerajaan yang sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Mereka juga berpeluang menimba pengetahuan melalui taklimat-taklimat, aktiviti-aktiviti dan lawatan ke agensi-agensi kerajaan.

Semasa kursus tersebut, para peserta dibawa membuat lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara, Kem Latihan Kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah bergambar ramai bersama para peserta Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2023 / 2024.

ke Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Antara tujuan Program Sivik adalah untuk memastikan lepasan ijazah dan pegawai-pegawai baru berkhidmat akan dapat memahami dan sentiasa peka dengan maklumat terkini termasuklah mengenai hal ehwal negara dan kerajaan di samping menjadi pemangkin ke arah cendekiawan yang dinamik, berkualiti, inovatif dan mampan.

Program Sivik dihasrat menjadi salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta mengharungi pelbagai cabaran masa depan dan mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran

yang tinggi serta mampu berdikari.

Pelita Brunei menemu bual dua peserta program tersebut yang memberikan pandangan mengenai pengalaman dan dapatan mereka daripada menyertai program berkenaan.

Dayang Hani' Nadzratun Na'em binti Roslan, berumur 23 tahun, graduan lepasan Bachelor of Engineering in Petroleum Engineering dari University of New South Wales, Sydney, Australia menjelaskan, "Daripada program ini, saya telah memperoleh banyak pelajaran yang belum dan sudah dipelajari seperti Melayu Islam Beraja dan terasul.

"Dengan program ini juga, saya boleh berjumpa dan bertukar buah fikiran bersama lepasan ijazah dan pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di kerajaan. Program ini sangat berguna bagi lepasan ijazah yang baharu".

Seorang lagi lepasan graduan semasa ditemui, Awangku Danieal bin Pengiran Haslini berkata, "Daripada program ini, saya telah memperoleh ilmu tambahan daripada lawatan dan aktiviti yang diadakan dalam aspek integriti, moral, etika, agama kerjasama dan yang penting sekali kepimpinan.

"Semua aspek yang dipelajari daripada program ini sangat berguna untuk masa depan negara kami dan juga untuk mencapai Wawasan Brunei 2035".

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



MAJLIS Penyampaian Sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan (atas dan bawah).



AWANGKU Danieal bin Pengiran Haslini dan Dayang Hani' Nadzratun Na'em binti Roslan semasa ditemui bual (kiri dan kanan).

Jerayawara penamaan pentadbir SPK, 18 hingga 20 Disember

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Tabung Amanah Pekerja

Tarikh	Jam	Tempat
18hb Disember 2023 sehingga 20hb Disember 2023	9.00 pagi – 4.00 petang	Dewan Sepakat 4, ICC

Individu yang dilantik (tidak dimestikan hadir)	Dokumen sokongan yang diperlukan
Suami atau Isteri	Salinan sijil nikah
Anak (berumur 18 tahun ke atas)	Salinan surat beranak
Ibu Bapa	Salinan surat beranak Ahli
Adik Beradik	Salinan surat beranak adik beradik
Anak Angkat berdaftar	Salinan sijil anak angkat
Peguam Sharie / Peguam	Salinan dokumen perjanjian antara Ahli dan Peguam (Surat lantikan guaman atau sebanding)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin

memaklumkan orang ramai bahawa TAP akan mengadakan jerayawara mengenai Skim

Persaraan Kebangsaan (SPK) selama tiga hari bermula 18 hingga 20 Disember 2023 jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Dewan Sepakat 4, ICC, di sini.

Objektif utama jerayawara ini diadakan adalah untuk mengongsikan antara salah satu manfaat pengeluaran SPK iaitu membolehkan ahli membuat penamaan pentadbir yang akan mengurus tadbir simpanan SPK Ahli setelah ahli meninggal dunia.

Ini akan mempercepatkan proses pembayaran simpanan Ahli SPK kepada waris dan tanggungan. Ahli adalah dibolehkan untuk melantik tidak lebih daripada tiga orang penama yang terdiri daripada pasangan (suami atau isteri), anak - anak (berumur

18 tahun ke atas), ibu bapa, adik beradik atau Peguam / Peguam Syarie.

Semasa sesi jerayawara ini nanti, Ahli-ahli SPK yang berkeinginan untuk melantik pentadbir penama hendaklah memastikan untuk membawa dokumen sokongan asal bagi individu yang akan dilantik seperti yang tertera di dalam rajah.

Pada sesi itu nanti, ahli akan diterangkan mengenai proses lengkap serta tanggungjawab yang akan dipikul oleh pentadbir iaitu dipertanggungjawabkan untuk menerima dan mentadbir simpanan SPK Ahli yang meninggal dunia menurut Hukum Syarak atau mengikut wasiat (sekiranya ahli yang meninggal bukan beragama Islam)

dan bukan sebagai waris tunggal.

Bagi kelancaran proses penamaan semasa mengunjungi jerayawara itu nanti, ahli adalah dinasihatkan untuk berdaftar terlebih dahulu sebagai pengguna portal perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah di eamanah.tap.com.bn.

Sehubungan itu, bagi memudahkan urusan ahli yang ingin berkunjung ke jerayawara tersebut, maklumat tambahan boleh didapati melalui laman sesawang TAP atau akaun rasmi media sosial Facebook, TAP dan Instagram @TAP_Brunei. Orang ramai bolehlah juga menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn untuk maklumat lanjut.

MEMBENTUK KEPERIBADIAN MULIA, MEMENTINGKAN HUBUNGAN SILATURAHIM



Berita dan Foto : Nur Izzah Razali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Disember. - Seramai 57 orang peserta terdiri daripada 27 peserta lelaki dan 30 peserta perempuan dari beberapa buah Sekolah Menengah, Pusat Tingkatan Enam dan Institusi Pengajian Tinggi dari keempat-empat daerah, yang berumur antara 14 hingga 20 tahun menyertai Program

Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah selama tiga hari bermula dari 14 hingga 16 Disember 2023, bertempat di Kolej Kediaman UNISSA.

Program anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan dikendalikan oleh Kumpulan Al-Qudwah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ini diadakan bertujuan untuk

meningkatkan keimanan, motivasi diri serta menguji kemampuan dan ketahanan mental, emosi serta fizikal setiap peserta.

Pelbagai aktiviti diisikan sepanjang program berkenaan antaranya Sesi Ta'aruf, Team Building, Archery dan program diakhiri dengan Majlis Mawlid dan Tazkirah yang bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

Sebagai Qudwah Hasanah'.

Program diharaskan dapat membentuk keperibadian mulia dalam kalangan para belia melalui amalan membaca Al-Quran dan menghayati ajaran yang tersurat dan rahsia yang tersirat di dalam Al-Quran. Membiasakan peserta dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat menurut Al-Quran dan As-Sunnah.

Program ini juga sekali gus memberi peluang untuk merapatkan dan mewujudkan kepentingan usrah silaturahim, ukhuwah dan tarbiyah sesama peserta, di samping bertukar-tukar fikiran dan ingat-mengingati antara satu sama lain, supaya lebih bermotivasi dalam menuntut ilmu dunia maupun akhirat.

HALUAN

Ke arah memperkasa perkhidmatan kesihatan

>> Muka 2

Pembinaan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan juga mempunyai hasrat yang sama dalam memastikan liputan Penjagaan Kesihatan Asasi di negara ini mencapai matlamat pelan induk dalam mengekalkan pencapaian Liputan Kesihatan Sejagat iaitu Universal Health Coverage di negara ini. Penambahan pembinaan Pusat Kesihatan akan dapat menampung keperluan penjagaan kesihatan asasi bagi penduduk-penduduk yang tinggal di Mukim Gadong 'A', Gadong 'B', Kianggeh dan Sungai Kedayan justeru mengurangkan beban yang dihadapi oleh Pusat Kesihatan yang berdekatan iaitu Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Rimba. Dengan adanya Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan, nisbah doktor kepada penduduk bagi kawasan-kawasan tadahan akan diseimbangkan iaitu dari 1:8,592 kepada 1:4,353 bagi Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Rimba dan nisbah doktor kepada penduduk bagi Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan baharu pula dijangkakan 1:4,044.

Penyediaan teknologi perubatan yang moden dan canggih telah banyak membantu pakar-pakar perubatan menjalankan rawatan klinikal dengan lebih berkesan, cepat, tepat dan selamat. Di antara penggunaan teknologi digital di perkhidmatan-perkhidmatan perubatan yang sudah dimulakan ialah penaiktarafan mesin MRI dan CT Scan di Hospital RIPAS.

Kesihatan mental adalah dititikberatkan dan diambil perhatian yang serius di negara ini. Dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan mental dan kesejahteraan, beberapa tindakan dan program telah dirancang untuk diungkayahkan iaitu salah satunya ialah meneruskan inisiatif mempromosikan kesihatan mental dan

kesejahteraan diri sesuai dengan tema Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 iaitu 'Kesihatan Mental adalah Hak Asasi' yang telah bermula pada 10 hari bulan Oktober 2023 dengan pelancaran Simposium dan Jerayawara Kesihatan Mental 'Kesihatan Mental di Tempat Kerja adalah Hak Asasi Semua' dan akan dilanjutkan ke kementerian-kementerian yang lain. Inisiatif yang merupakan gabungan tenaga Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama berserta pihak-pihak berkepentingan yang lain ini akan dijalankan merentasi jangka masa satu tahun ini.

Perancangan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai, khususnya penjawat awam akan kepentingan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan diri di dalam kehidupan seharian. Dalam memperkasa masyarakat dalam pengetahuan dan tindakan mengenai kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan telah pun merancang beberapa program bersama dengan badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan termasuk pihak sukarelawan, agensi swasta dan kerjasama dari pihak antarabangsa.

Antara lain program-program yang dirancang ialah program yang memfokuskan kesihatan mental di tempat kerja, secara bergilir-gilir di setiap kementerian di Negara Brunei Darussalam di mana setiap kementerian akan berperluang menjadi 'tuan rumah' untuk program tersebut pada setiap bulan. Program Kesihatan Mental di tempat kerja sebegini adalah sangat penting kerana menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan 15 peratus daripada orang yang bekerja mengalami keceluhan mental pada bila-bila masa. Dalam meningkatkan literasi kesihatan mental di kalangan masyarakat di negara ini, Latihan Pertolongan Pertama Psikologi ataupun Psychological First Aid yang akan diadakan

buat julung kali di Negara Brunei Darussalam oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam.

Latihan Pertolongan Pertama Psikologi ini adalah merupakan satu pendekatan yang berdasarkan bukti yang disediakan berdasarkan konsep kedayatahan manusia atau resilience. Kementerian Kesihatan juga telah menandatangani Memorandum Friends of Health Promotion Centre di antara Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (HPC) bersama dengan lima badan-badan bukan kerajaan (NGO), iaitu Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, Majlis Belia Brunei, Big Begawan, Cope For Hope dan The Blue Raincoat Collective.

Penandatanganan memorandum ini bertujuan untuk memperkasakan pendekatan Whole of Nation memupuk kerjasama serta membuka peluang kepada NGO untuk meluaskan lagi kapasiti sendiri dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran serta mentransformasi sikap orang awam terhadap kepentingan kesihatan mental di kalangan masyarakat. Inisiatif menangani isu kesihatan mental bukan sahaja dilaksanakan di peringkat kebangsaan malahan telah dirancang untuk dilaksanakan di peringkat serantau melalui pelaksanaan Projek ASEAN Plus-Three Workshop on the Sharing of Best Practices for Mental Health Promotion in School Settings dengan sokongan ASEAN Sekretariat (ASEC) dan University of Melbourne, Australia pada tahun 2024.

Dengan adanya kolaborasi seperti ini diharapkan akan dapat memperkuatkan lagi institusi penanganan kesihatan mental di negara ini demi kesejahteraan rakyat dan penduduk. Demi mempertahankan kemampuan ke arah usaha menangani masalah kesihatan mental ianya bukan saja dianggap satu hak asasi manusia, tetapi juga merupakan tanggungjawab bersama

dan bukan pula tanggungjawab yang terhad kepada agensi-agensi kerajaan yang tertentu. Masing-masing mempunyai peranan untuk meningkatkan usaha ke arah menegakkan hak setiap manusia untuk mencapai kesihatan mental yang terbaik.

Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan sangatlah berharap agar perkara ini dapat ditangani secara Whole of Nation. Perambla / kaola / saya berpendapat pemimpin-pemimpin masyarakat mempunyai peranan yang kritikal dalam menangani perkara ini dengan signifikan melalui pendekatan-pendekatan seperti kerohanian, kemahiran, pembangunan minda, pendidikan dan juga kewangan. Rakyat yang mempunyai kesihatan mental yang mantap dan resilien akan melahirkan modal insan yang sempurna dan mampu menjana generasi yang berwawasan selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sebagai mengakhiri, perambla / kaola / saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di atas kesudian hadir di sesi muzakarah Kementerian Kesihatan pada hari ini. Mudah-mudahan sesi ini akan memberikan hasil perbincangan yang produktif bagi menjana idea-idea yang bernas dan boleh diguna pakai dalam membentuk hala tuju dasar dan strategi Kementerian Kesihatan di masa akan datang. Dan yang paling penting, apa jua yang dibincangkan di dalam Sesi Muzakarah pada hari ini, akan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Semoga kita diberi petunjuk dan hidayah dalam membuat sebarang keputusan serta sentiasa berada di jalan yang lurus lagi diberkati oleh-Nya.

Sekian sahaja dari perambla / kaola / saya buat masa ini.
Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

OPERASI SAKAT : 2 WARGA ASING DITAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BELAIT, Rabu, 13 Disember. - Bahagian Pengawal Undang-Undang, Kuala Belait, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah melaksanakan operasi pengawal undang-undang melalui Operasi Sakat 168 / 2023 bertempat di Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh, Kuala Belait.

Hasil daripada operasi yang dijalankan, seramai dua warga asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengawal Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 5(2) Akta Imigresen Penggal 17 iaitu percubaan keluar tanpa melalui Pos Kawalan yang diisyiharkan.

Dalam pada itu juga, jabatan mengalu-alukan orang ramai bagi

SERAMAI dua warga asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengawal Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 5(2) Akta Imigresen Penggal 17 iaitu percubaan keluar tanpa melalui Pos Kawalan yang diisyiharkan.

sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كمترن صحیح
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:

Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

2 pekerja lari daripada majikan



DUA pekerja warganegara asing yang dilaporkan lari daripada majikan, iaitu Halimah Haris Sorami dan Muhammad Amirullah (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SENGKURONG, Khamis, 14 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan dua pekerja warganegara asing yang dilaporkan lari daripada majikan.

Menurut kenyataan berkenaan, pekerja-pekerja tersebut ialah warganegara Indonesia, iaitu Halimah Haris Sorami, perempuan berusia 41 tahun, dengan nombor pasport E2426128 dan Muhammad Amirullah, lelaki 42 tahun dengan nombor pasport C3862845.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.

Bantu kesan Pengiran Mohaimin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk membantu siasatan pihak Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah.

Menurut kenyataan berkenaan, lelaki tersebut ialah Pengiran Mohaimin bin Pengiran Othman dengan No. Kad Pengenalan 00-068569 (kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490/333 atau Talian



PENGIRAN Mohaimin bin Pengiran Othman dengan No. Kad Pengenalan 00-068569 (kuning).

Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pentingnya Pengesanan Awal Kanser'. Tarikh Tutup : 20 Disember 2023
2. 'Manfaatkan Waktu Cuti Sekolah Sebaiknya'. Tarikh Tutup : 27 Disember 2023
3. 'Memupuk Semangat Kesukarelawan'. Tarikh Tutup : 03 Januari 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU



Keberkatan bermula dengan makanan halal

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

SU halal menjadi antara isu hangat yang sering dibincangkan sejak dahulu di negara ini. Halal haram pemakanan merupakan perkara penting yang ditekankan oleh Islam kepada umatnya agar mengikut standard halal yang dinyatakan dalam Al-Quran dan hadis. Justeru, di negara ini, halal haram pemakanan sering menjadi isu penting dan mendapat perhatian ramai.

Dalam Al-Quran juga ada menegaskan dan menuntut seluruh manusia secara umumnya supaya memakan, memilih, mengambil dan menggunakan sesuatu yang halal dan baik (Halalan Thayyiban) seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala : Maksudnya : "Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, kerana sesungguhnya mereka itu adalah musuh yang nyata bagimu". (Surah Al-Baqarah :168)

Sesuatu makanan yang diproses boleh dikelaskan sebagai halal sekiranya ia dihasilkan dengan menggunakan bahan mentah, komponen dan aditif yang halal serta pemprosesannya berdasarkan panduan yang ditetapkan syarak. Dengan kata lain, aspek halal dalam pemakanan adalah merangkumi penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan. Keseluruhannya hendaklah tidak terkeluar daripada ketentuan syarak.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat pelbagai inisiatif dalam menjaga kehalalan makanan di negara ini. Industri makanan halal yang semakin mendapat perhatian ramai berkembang maju dengan penguatkuasaan Akta Daging Halal 1998, Akta Kesihatan Awam (Makanan) 1998 serta Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 dan

perlaksanaan projek Jenama Brunei Halal.

Perlu peka dengan produk halal

Walaupun kita tinggal di negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, ia bukan lesen untuk memandang ringan isu halal. Sebaliknya kita perlu peka dengan isu-isu semasa kerana mencari yang halal Fardu Kifayah. Secara tidak langsung kita juga sebenarnya turut membantu pembangunan ekonomi halal di negara ini. Tidak dinafikan, terdapat juga rakyat bukan Islam memilih produk halal kerana mereka berasa produk sedemikian lebih selamat, suci dan terjamin berkualiti.

Jaminan untuk mendapatkan produk halal pada masa kini dalam pasaran sudah diterjemahkan melalui pelabelan Logo Halal bagi memudahkan pengguna Muslim memperoleh produk yang benar-benar halal statusnya dan juga selamat untuk digunakan dan dimakan. Piawaian halal juga sudah dibangunkan di negara-negara yang melihat akan kepentingan peranan industri halal dalam pasaran, yang mana Logo Halal sudah dianggap sebagai *marketing tools* dalam industri produk halal pada peringkat global. Oleh yang demikian, halal bukanlah satu pelabelan kepada pengguna Islam sahaja tetapi ianya sudah dilihat sebagai satu simbol atau penanda aras bagi kualiti dan mutu sesuatu produk untuk memenuhi keperluan pengguna dalam pelbagai aspek seperti keselamatan, kebersihan, pengendalian, pemprosesan dan sebagainya.

Pensijilan halal di NBD

Di Negara Brunei Darussalam, pensijilan halal merupakan suatu jaminan penting kepada pengguna untuk mendapatkan produk dan premis makanan dan minuman yang diakui sah kehalalannya. Pensijilan halal bermaksud Sijil Halal yang dikeluarkan oleh badan yang berautoriti dan di Brunei

Darussalam iaitu Majlis Ugama Islam Brunei, merupakan pengeluar tunggal di negara ini yang diiktiraf oleh kerajaan. Pensijilan halal yang diperoleh ini membolehkan penggunaan Logo Halal Majlis Ugama Islam Brunei tersebut dipaparkan ke atas produk dan juga premis pemohon.

Bagi pemilik atau pengelola premis makanan, mereka perlu jelaskan bahawa Sijil Halal bukan semata-mata sehelai kertas, tetapi sebaliknya simbol dalam menjaga keharmonian keselamatan diri dan masyarakat. Mereka perlu menjaga 'amanah serta kepercayaan' yang diberi seperti yang tertera dalam Sijil Halal kerana jika mereka melanggar kepercayaan tersebut dengan menghidangkan atau menjual sesuatu yang bukan halal maka Sijil Halal tersebut tidak akan memberi makna kepada pelanggan. Justeru, usaha menanam kesedaran betapa pentingnya kehalalan makanan tersebut perlu ditanam dalam jiwa kanak-kanak agar mereka membesar dengan keyakinan makanan yang dimakan hendaklah halal, suci, bersih untuk menjamin keberkatan, kesejahteraan dan kesihatan sejagat.

Bagaimanapun, dalam kalangan masyarakat di negara ini masih terdapat segelintir yang memandang remeh mengenai keperluannya. Sebagai negara yang majoritinya beragama Islam, masih ada premis makanan yang gagal memperoleh Sijil Halal. Lebih malang, sesetengah kedai itu diketahui dikunjungi ramai pengunjung beragama Islam di mana pelanggan ini tanpa perasaan bersalah dan waswas berjalan masuk ke restoran tersebut. Hal ini terjadi kerana kelalaian kedua-dua pihak. Jika di satu pihak sukar mendapatkan Sijil Halal, mengapa pula awda sebagai pelanggan masih memilih untuk menjamu selera di kedai berkenaan? Masih banyak pilihan kedai makan yang dijamin kehalalannya, pokok pangkalnya tepuk dada tanya selera.

Pamerkan Logo Halal yang diiktiraf

Sesetengah kita suka mengambil mudah isu sedemikian, malah ada yang menyamakan kedai makan itu setaraf dengan perniagaan pasar malam milik orang Islam yang beroperasi tanpa Sijil Halal. Perbandingan ini sebenarnya menunjukkan sikap tidak endah dalam kalangan segelintir umat Islam yang kurang peka dengan keadaan semasa.

Isu memamerkan Logo Halal adalah perkara yang wajib kepada setiap premis makanan. Sebenarnya, pengusaha premis makanan boleh mendapatkan keyakinan pengguna dengan memohon logo serta Sijil Halal. Malah mereka seharusnya komited dan bertanggungjawab bagi memastikan setiap aspek mengikut keperluan yang ditetapkan.

Kita berada di negara yang berdaulat, sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengamalkan Melayu Islam Beraja. Rakyat di negara ini bertuah kerana pihak kerajaan mengambil serius isu berkaitan halal, tidak kira dari segi bahan mentah mahupun peralatan digunakan, malah pusat penyumbahan juga perlu mengikut spesifikasi ditetapkan. Hal ini berdasarkan sifat kebertanggungjawaban, apakah lagi apa yang kita makan akan menjadi faktor keberkatan hidup.

Kesimpulan

Pengambilan makanan Halalan Thayyiban atau halal yang baik bukan sahaja melahirkan masyarakat yang cergas bahkan akan menjana ekonomi umat. Bukan sahaja pengguna Islam bahkan bukan Islam juga semakin meningkat untuk memakan makanan halal yang diketahui bersih dan selamat. Jadi bertindak bijaklah dengan memakan makanan yang halal untuk meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.





Program Lawatan beri peluang kenali budaya dan sejarah luar

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

MENGIKUTI Program Lawatan Media Negara Brunei Darussalam Ke Republik Rakyat China Tahun 2023 memberikan seribu pengalaman serta pengetahuan yang amat berguna bahkan ia menjadi satu kenangan yang tidak dapat dilupakan untuk dikongsikan bersama yang lain. Kali ini penulis yang juga turut serta dalam program tersebut ingin mengongsikan beberapa pengalaman sewaktu melawat dan berkunjung ke beberapa tempat menarik sepanjang berada di Beijing dan Shenzhen, China selama satu minggu.

Perjalanan kami seramai tujuh orang yang terdiri daripada para media kerajaan dan swasta ke bumi China iaitu Beijing mengambil masa selama enam jam dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan menaiki pesawat Royal Brunei Airlines pada jam 2.00 pagi dan selamat tiba di Lapangan Terbang Beijing pada pukul 7.15 pagi dan disambut oleh pemandu pelancong yang telah diurus oleh Kedutaan China di Negara Brunei Darussalam.

Semasa berada di Beijing, kami turut menjalankan program yang telah diatur oleh Kedutaan China di NBD. Di sini kami dibawa ke Summer Palace atau dikenali dengan Istana Musim Panas merupakan salah satu tempat bersejarah di Kota Beijing. Taman ini

juga dulunya turut dikenali sebagai tempat kekaisaran sekali gus merupakan pusat pemerintahan kedua setelah Forbidden City atau Kota Larangan pada masa pemerintahan Dinasti Qing. Tempat ini sangat bersejarah sekali dan indah. Pertama kali menjelaskan kaki di taman bersejarah ini, kami semua berasa teruja menyaksikan begitu ramai pengunjung dan pelancong dari negara luar berkunjung ke tempat ini. Menurut sejarah, Istana Musim Panas adalah bekas kediaman kerajaan di pinggiran ibu kota China, Beijing.

Lawatan kami seterusnya ialah Silk Center, Forbidden City atau Kota Larangan merupakan destinasi lawatan kami seterusnya yang merupakan salah satu mercu tanda China dan salah satu Dataran paling luas dan besar di dunia. Menjelajah kawasan ini mengambil masa selama dua jam lebih (berjalan sepanjang 4 kilometer).

Lawatan kami diteruskan dengan menjelaki ke Great Wall of China. Tidak sah bagi kami bila melawat bumi China tapi tidak menjelak kaki ke Tembok Besar China dan ia sungguh menyeronokkan dalam hidup kami. Berada di Beijing, kami juga berpeluang berkunjung ke kediaman Kedutaan NBD di Beijing China bagi jamuan Minum Petang. Di sini kami disambut dengan penuh mesra oleh Duta

Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir berserta isteri dan juga keluarga.

Beberapa hari berada di Beijing, kami kemudiannya meneruskan program kami dengan berkunjung ke Shenzhen dengan menaiki pesawat Domestic Beijing yang mengambil masa kira-kira tiga jam. Semasa berada di Shenzhen, kami juga berkesempatan dibawa ke beberapa tempat menarik dan juga ke agensi media yang ada di sana. Ini merupakan pengalaman kami paling berharga berkesempatan melawat ke agensi media di sana yang rata-rata menarik perhatian kami dari segi pentadbirannya, pelaksanaan tugas mereka yang keseluruhan lebih kepada penggunaan digital dan serba canggih.

Antara tempat yang dikunjungi semasa beberapa hari berada di Shenzhen ialah People's Daily News, CGTN, Huawei Technologies Co. Ltd., Menara Ping An Finance Center yang merupakan menara tertinggi di Shenzhen dan kedua tertinggi di China. Kami juga turut ke Splendid China & Chinese Folk Culture Villages, ia terbagi menjadi dua tema. Pertama, miniatur taman

China lengkap dengan Forbidden City, tembok China dan pasukan Terakota seluas 300 ribu meter persegi. Kedua, taman yang berisi 56 rumah yang mewakili 56 suku di China. Di sini juga diadakan pertunjukan yang menampilkan pertunjukan tarian dengan pelbagai tema yang *spectacular* dari suku-suku tersebut. Persembahan yang pasti memberikan seribu kenangan kepada kami.

Selain itu, kami juga dibawa ke salah sebuah taman yang sememangnya menarik perhatian para pengunjung dan pelancong iaitu Taman Hiburan Shenzhen Window of the World. Di tempat ini kita boleh menemui miniatur tempat terkenal, popular dan bersejarah yang tersebar di seluruh dunia seperti Candi Borobudur, Menara Eiffel, Menara Condong Pisa, Piramid Mesir, Air Terjun Niagara, Grand Canyon dan lain-lain. Lawatan kami selama tujuh hari di bumi Beijing dan juga Shenzhen akan menjadi kenangan manis buat kami semua. Kami juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan peluang yang telah diberikan kepada kami dalam menjayakan Program Lawatan Media Negara Brunei Darussalam Ke Republik Rakyat China Tahun 2023.



SEKATAN TERBAHARU EU SASAR BERLIAN RUSIA

BRUSSELS, 15 Dis. - Pemimpin Kesatuan Eropah (EU) meluluskan pakej sekatan ke-12 ke atas Rusia susulan pencerobohnya ke atas Ukraine, kata jurucakap Presiden Majlis Kesatuan Eropah Charles Michel di luar sidang kemuncak di Brussels, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pakej yang diumumkan pada Khamis memperuntukkan larangan import ke atas berlian dan penetapan had harga eksport

Produk makanan berbungkus untuk kanak-kanak di Asia Tenggara mengandungi paras gula, garam yang tinggi - Kajian

BANGKOK, 14 Dis. - Produk makanan berbungkus untuk kanak-kanak berumur antara enam bulan hingga tiga tahun di Asia Tenggara didapati mengandungi paras gula dan garam yang tinggi, menurut kajian terbaharu yang dikeluarkan pada Khamis.

Selain itu, kajian berkenaan mendapati bahawa penggunaan pelabelan yang mengelirukan dan peraturan longgar mengenai komposisi dan jualan produk pada bungkus makanan itu semakin berleluasa.

Kajian yang disokong oleh Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan rakan kongsi Consortium for Improving Complementary Foods in Southeast Asia (COMMIT) itu

menilai lebih 1,600 bijirin bayi, puri, snek dan makanan sedia untuk dimakan yang dipasarkan kepada kanak-kanak di Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam.

Sebanyak 44 peratus produk didapati mengandungi gula tambahan dan pemanis, meningkat kepada 72 peratus untuk makanan ringan dan makanan jejeri manakala lebih satu pertiga daripada produk melebihi paras natrium yang disyorkan, lapor Xinhua.

Dalam kajian tingkah laku pengguna, makanan pelengkap yang dihasilkan secara komersial dilihat memainkan peranan penting dalam diet kanak-kanak Asia Tenggara dengan peningkatan jualan

mempersetkan larangan import berlian dan aluminium dari Rusia kerana mendapat tentangan dari Belgium.

Bandar pelabuhan Antwerp telah menjadi antara pusat perdagangan berlian paling penting di dunia sejak abad ke-16.

Rusia pula merupakan pengeluar berlian terbesar di dunia.

Pada 2021, pelombong berlian negeri Alrosa mampu menjana pendapatan 332 bilion rubel

(sekitar US\$3.6 bilion).

Sebagai tambahan kepada sekatan ekonomi, langkah-langkah dirancang terhadap lebih 100 individu dan organisasi yang menyokong perang Rusia menentang Ukraine. Mereka tidak lagi dapat melupuskan aset di EU,

atau memasuki blok itu.
- ©BERNAMA



Perhimpunan agung PBB lulus draf resolusi tuntut gencatan senjata kemanusiaan di Gaza

WASHINGTON, 13 Dis. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerima pakaian draf resolusi menuntut gencatan senjata kemanusiaan segera di Gaza pada Selasa, lapor Agensi Anadolu (AA).

Resolusi tidak mengikat itu dibentangkan oleh Mesir dengan 153 undi menyokong pada Perhimpunan Agung 193 anggota yang berhimpun bagi sesi khas tergempak mengenai Palestin.

Sepuluh negara, termasuk Amerika Syarikat (AS), Israel dan Austria mengundi menentang

resolusi itu manakala 23 negara termasuk United Kingdom (UK), Jerman, Itali dan Ukraine berkecuali.

Di samping menuntut gencatan senjata, resolusi itu menyuarakan kebimbangan terhadap "situasi kemanusiaan" di Semenanjung Gaza dan penderitaan orang awam di Palestin.

Resolusi itu turut menekankan bahawa penduduk awam Palestin dan Israel "mesti dilindungi" berdasarkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa sambil menuntut semua pihak untuk mematuhi kewajipan mereka

terutamanya mengenai perlindungan orang awam.

Draf resolusi itu juga menuntut "pembebasan segera dan tanpa syarat" semua tebusan serta memastikan akses kemanusiaan.

Pada Oktober, Perhimpunan Agung mengundi menyokong draf resolusi yang menyertu "gencatan senjata kemanusiaan segera dan berterusan yang membawa kepada menghentikan perrusuhan" dengan 121 negara menyokong manakala 14 negara menentang - termasuk AS dan 44 berkecuali. - ©BERNAMA

Beijing anjur Persidangan Kerja Ekonomi Pusat

BEIJING, 13 Dis. - Persidangan Kerja Ekonomi Pusat diadakan di Beijing bermula Isnin hingga Selasa, bertujuan untuk menggariskan landskap ekonomi bagi tahun 2024.

Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China (PKC) yang juga Presiden China Xi Jinping dalam ucapannya pada persidangan itu telah membuat rumusan terhadap pencapaian ekonomi pada tahun ini, menganalisis situasi ekonomi semasa dan menggariskan landskap untuk tahun hadapan.

Menurut persidangan itu, pada tahun ini ekonomi China telah memperlihatkan pemulihan dan kemajuan yang mantap serta kukuh yang dicapai menerusi pelaksanaan projek dan pelan pembangunan yang berkualiti

tinggi.

Sehubungan itu, pada tahun 2024 persidangan itu menyarankan agar lebih banyak dasar digubal dan dilaksanakan untuk melakar pencapaian yang selaras dengan jangkaan dan kondisif bagi pertumbuhan ekonomi serta pengambilan pekerjaan.

Transformasi pembangunan dan peningkatan kualiti serta kecekapan akan dijadikan keutamaan untuk memperkuuh asas ekonomi yang kekal stabil.

Selain itu, pelaksanaan dasar fiskal yang positif secara sederhana akan terus dilaksanakan manakala dasar monetari yang berhemat terus diamalkan secara fleksibel, sederhana, tepat dan berkesan.

Persidangan itu turut menyarankan agar institusi

kewangan meningkatkan sokongan terhadap inovasi sains dan teknologi, transformasi hijau, Industri Mikro dan Kecil (IMK) sektor kebajikan umum dan ekonomi digital.

Kos pembiayaan keseluruhan masyarakat terus diturunkan dengan mantap dan kadar pertukaran RMB dipastikan kekal stabil pada tahap yang munasabah dan seimbang.

Selain itu, pada tahun 2024 China akan terus mempergiat inovasi industri menerusi penggerak inovatif dalam bidang sains dan teknologi, khususnya teknologi terkini dan tercanggih.

Peningkatan permintaan domestik dan tahap keterbukaan turut menjadi topik perbincangan dalam persidangan itu. - ©BERNAMA

Kemboja akan lancar Kad e-Ketibaan untuk semua pengembara tahun depan

PHNOM PENH, 15 Dis. - Kemboja akan melancarkan skim percubaan Kad e-Ketibaan untuk semua pengembara bermula dari 1 Jan 2024, menurut Kementerian Dalam Negeri.

Kad e-Ketibaan akan mengantikan pelbagai borang yang diperlukan semasa ketibaan.

Kementerian Dalam Negeri dalam satu pengumuman pada Rabu berkata kad itu akan memudahkan pelancong asing dan rakyat tempatan yang memasuki negara itu melalui lapangan terbang antarabangsa untuk melengkapkan formaliti imigresen dan prosedur kesihatan dalam satu borang, lapor Xinhua.

Sepanjang tempoh percubaan dari 1 Jan hingga 30 Jun 2024, penumpang mempunyai pilihan untuk mengisi borang secara elektronik atau mengisi borang maklumat imigresen, kastam dan kesihatan secara manual.

Semua penumpang dikehendaki mengisi borang elektronik apabila skim Kad e-Ketibaan dilancarkan secara rasmi mulai 1 Julai, 2024.

Kemboja merekodkan seramai 4.4 juta pelancong antarabangsa dalam tempoh 10 bulan pertama 2023, peningkatan ketara kira-kira 180 peratus daripada 1.57 juta dalam tempoh sama tahun lalu, menurut Kementerian Pelancongan. - ©BERNAMA

Jepun lapor kes kematian pertama mpox

ISTANBUL, 14 Dis. - Jepun pada Rabu mengesahkan kematian pertama akibat jangkitan mpox di negara itu.

Pegawai Kementerian Kesihatan berkata mangsa seorang lelaki berusia 30-an, menurut Agensi Anadolu memetik Agensi Berita Kyodo.

Beliau tinggal di wilayah Saitama berhampiran ibu negara Tokyo.

Jepun mengesahkan kes pertama mpox tahun lepas pada Julai.

Tahun lepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menamakan semula cacar monyet kepada mpox.

Pada Mei tahun ini, WHO mengisyiharkan mpox bukan lagi kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan antarabangsa. - ©BERNAMA

Serangan siber jejas perkhidmatan pengendali rangkaian mudah alih terbesar di Ukraine

KYIV, 13 Dis. - Serangan siber besar-besaran menyebabkan perkhidmatan komunikasi dan jaringan Internet pengendali rangkaian mudah alih terbesar di Ukraine, Kyivstar mengalami gangguan di seluruh negara pada Selasa.

Perkhidmatan Keselamatan Ukraine dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa pihaknya telah memulakan prosiding jenayah terhadap serangan itu.

Presiden Kyivstar, Oleksandr Komarov, berkata sebahagian infrastruktur IT milik syarikat itu musnah akibat serangan terbabit, lapor Xinhua memetik media Economicna Pravda.

Serangan itu turut menjelaskan operasi ATM dan pos-terminal di Ukraine selain turut menjelaskan operasi sistem amaran serangan udara di lebih 75 penempatan di wilayah Kyiv.

Kyivstar menyediakan perkhidmatan kepada lebih 24 juta pelanggan telefon mudah alih dan lebih satu juta pelanggan Internet kediaman di Ukraine. - ©BERNAMA

Hungary lulus undang-undang lindungi kedaulatan negara

BUDAPEST, 13 Dis. - Parlimen Hungary menerima pakai undang-undang yang bertujuan melindungi kedaulatan negara daripada pengaruh luar di sini pada Selasa.

Rang undang-undang itu memperkenalkan penubuhan Pejabat Perlindungan Kedaulatan dan menguatkuasa hukuman bagi sebarang pelanggaran larangan membabitkan pembiayaan kempen asing, lapor Xinhua.

Undang-undang diluluskan menerusi 140 undi menyokong manakala 50 menentang, meletakkan kepercayaan terhadap Pejabat Perlindungan Kedaulatan menyusun laporan tahunan bagi meneliti organisasi yang mungkin memanfaatkan pembiayaan asing dan mempengaruhi keputusan pilihan raya.

Tindakan itu dibuat sebagai tindak balas kepada kebimbangan yang dibangkitkan mengenai eksplorasi dana asing dalam pilihan raya sebelum ini. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



214 PESERTA BERENTAP DALAM KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA BRKP 2023



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Kejohanan Badminton Terbuka BR-Kelvin Pong (BRKP) 2023 anjuran Chung Hwa School Kiudang (CHSK) (atas), manakala gambar bawah, antara aksi pada kejohanan berkenaan.

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Khamis, 14 Disember.- Seramai 214 peserta yang terdiri daripada dalam dan luar negara berentap pada Kejohanan Badminton Terbuka BR-Kelvin Pong (BRKP) 2023 anjuran Chung Hwa School Kiudang (CHSK) yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan kejohanan berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Kejohanan yang disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkenaan mempertandingkan sebanyak 14 kategori secara keseluruhan.

Kategori berkenaan ialah Lelaki Perseorangan Terbuka, Beregu Lelaki

Terbuka, Wanita Perseorangan Terbuka, Beregu Wanita Terbuka, Beregu Campuran Terbuka, Lelaki Perseorangan U-19, Lelaki Beregu U-19, Wanita Perseorangan U-19, Wanita Beregu U-19, Veteran 45 Lelaki Perseorangan, Lelaki Perseorangan U-16, Lelaki Beregu U-16, Wanita Perseorangan U-16 dan Lelaki Perseorangan U-13.

Turut hadir pada majlis perasmian berkenaan ialah Ketua Kampung, Penghulu, Lembaga Pengarah CHSK dan Ahli Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghadiri pusingan akhir kejohanan berkenaan yang akan berlangsung pada 17 Disember 2023, bermula jam 1.30 tengah hari.



Kontinjen Judo NBD harumkan nama negara

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Ihsan Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam

PULAU PINANG, MALAYSIA, Rabu, 13 Disember. - Atlet-atlet Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNJF) berjaya meraih dan membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak dan tiga pingat gangsa pada Kejohanan Judo Jemputan Pulau Pinang 2023, baru-baru ini.

Atlet-atlet Judo negara yang mengharumkan nama negara iaitu Awang Md. Farid bin Bujang yang merangkul satu pingat emas bagi Kategori Lelaki Veteran bawah 73 kilogram, manakala Awang Norhidayat bin Abdul pula berjaya membawa pulang pingat perak bagi Kategori Lelaki Veteran (B) bawah 66kg.

Pingat-pingat gangsa pula dimenangi oleh Awang Md. Nur Hafizzan bin Kadir bagi Kategori Lelaki Veteran (B) bawah 73kg, Dayang Hajah Nuruljannah binti Haji Md. Zamari bagi Kategori Wanita Veteran (B) bawah 57kg dan Awang Md. Wajdi Wa'ie@Wafi bin Khairul Shaffarani bagi Kategori Lelaki Veteran (B) bawah 66kg.

Kejohanan Judo Jemputan Pulau Pinang 2023 yang telah berlangsung di Dewan Bankuet Sunshine Square, Pulau Pinang

2023 yang telah berlangsung di Dewan Bankuet Sunshine

Square, Pulau Pinang, Malaysia pada 9 hingga 10 Disember 2023.

Dalam temu bual bersama Pengurus Pasukan dan Jurulatih BDNJF, Awang Md. Ali Rashid bin Haji Md. Alipah, mengatakan bahawa semua anggota pasukan yang bertanding telah memperoleh pengalaman yang sangat bernilai.

"Pertandingan itu juga telah meningkatkan keyakinan anggota-anggota yang bertanding terhadap latihan dan pembangunan mereka dalam sukan Judo."

"Kami berada di landasan yang betul selepas mendapat pandangan daripada rakan-rakan Judo kami dari organisasi yang berbeza," ujar beliau lagi.

Awang Md. Ali Rashid juga seterusnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Mitsubishi Corporation di atas sokongan mereka.

BDNJF telah menghantar seramai enam atlet ke Kejohanan Judo Jemputan Pulau Pinang 2023 yang diketuai oleh Pengurus Pasukan dan Jurulatih-jurulatih BDNJF, Awang Md. Ali Rashid and Awang Chong Chee Kiong.



ATLET-atlet Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNJF) berjaya mengharumkan nama negara dan membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak dan tiga pingat gangsa pada Kejohanan Judo Jemputan Pulau Pinang 2023, yang berlangsung di Dewan Bankuet Sunshine Square, Pulau Pinang.

Tahukah Awda

PENGURNIAAN buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diagihkan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini yang beragama Islam pada setiap menjelang bulan Ramadan tanpa mengira peringkat umur dan taraf kerakyatan. Pengurniaan ini mula dititahkan oleh baginda pada bulan Ramadan 1413 Hijrah / 1992 Masihi. Di peringkat awal, pembahagian kurma ini dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan kemudian diambil alih oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan kerjasama berterusan Kementerian Pendidikan pada tahun 1415 Hijrah / 1995 Masihi. Pembahagian kurma kepada orang awam disalurkan melalui pejabat daerah di seluruh negara melalui penghulu dan ketua kampung.

SUMBER : Wadah, Bil.3.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ZAHIRKAN RASA HORMAT DAN KASIH SAYANG KITA KEPADA GOLONGAN WARGA EMAS